A

PP lwn. CHANG SIEW FAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42H-04-04-2015]
20 NOVEMBER 2015

B

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Lucut hak – Tafsiran s. 26(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila tidak mengambil kira pendekatan bertujuan dalam mentafsir s. 26(1) – Sama ada HMS terkhilaf apabila tidak melucut hak ekshibit-ekshibit atas alasan ia bukan milik tertuduh*

C

Responden telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen dengan dua pertuduhan atas kesalahan berada dalam kawalan barang berjadual iaitu minyak diesel sebanyak 43,721 liter, melebihi kuantiti yang dinyatakan dalam Permit Barang Kawalan Berjadual dengan tujuan melakukan kesalahan di bawah peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan bercanggah dengan peruntukan s. 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 ('Akta'). Selepas mengaku bersalah, responden disabitkan atas pertuduhan pertama dan kedua di bawah s. 22(1) Akta. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') selanjutnya memerintahkan sebahagian hasil jualan diesel bernilai RM32,855.90 dilucut hak kepada pegawai pengawal mengikut peruntukan s. 26 Akta. Walau bagaimanapun, HMS berpendapat bahawa lima buah pam dispenser, sebuah kenderaan lori, sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux dan pelbagai mata wang asing ('P16 hingga P26') bukannya harta responden dan memerintahkan agar P16 hingga P26 dikembalikan kepada responden. Terkilan, pihak pendakwaan merayu. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah, antara lain, adalah sama ada HMS terkhilaf apabila tidak melucut hak P16 hingga P26 di bawah s. 26(1) Akta atas alasan ia bukan milik responden.

D

E

F

Diputuskan (membenarkan rayuan):

G

(1) Peruntukan s. 26(1) Akta perlu dibaca secara 'purposive approach' dan 'golden rule'. Dalam memberi tafsiran kepada peruntukan s. 26(1)(a) Akta, mahkamah perlu peka kepada perubahan masa dan tidak dikongkong oleh Akta yang digubal dalam tahun 1961. Bagi maksud peruntukan s. 26(1)(a) Akta, apa yang penting adalah P16 hingga P26 digunakan atau sebahagian daripada kegiatan responden. 'Any vehicle, vessel, or other article' bagi maksud peruntukan s. 26(1)(a) Akta tidak semestinya harta tertuduh sebagaimana yang diputuskan oleh HMS. Oleh itu, HMS terkhilaf dalam penghakimannya apabila memutuskan P16 hingga P26 tidak berkaitan dengan pertuduhan di mana responden mengaku bersalah dan bukan harta responden. Perintah HMS oleh itu diakas dan barangan tersebut dipeintahkan agar dilucuthak di bawah s. 26(1)(a) Akta. (perenggan 37, 38, 42, 46 & 47)

H

I

Kes-kes yang dirujuk:
Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Hasbala Mohd Sarong v. PP [2013] 6 CLJ 945 FC ***(dirujuk)***
Karpal Singh & Anor v. PP [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 SC ***(dirujuk)***
Khoo Hi Chiang v. PP & Another Case [1994] 2 CLJ 151 SC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Halim [Rayuan Jenayah No: 42S-02-03-2015] (Unreported) ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahim Abdul Satar [1990] 1 CLJ 840; [1990] 3 CLJ (Rep) 1 HC ***(dirujuk)***
PP v. Azrol Hisham [Rayuan Jenayah No: 42S-03-03-2015] (Unreported) ***(dirujuk)***
PP v. Cheah Beng Poh, Louis & Ors & Anor [1984] 1 CLJ 117; [1984] 2 CLJ (Rep) 383 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Teoh Chee Chin [2015] 1 LNS 137 HC ***(tidak diikuti)***
Sundralingam v. Ramanathan Chettiar [1967] 1 LNS 173 FC ***(dirujuk)***
Tan Yew Choy v. PP [2009] 4 CLJ 245 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Control of Supplies Act 1961, ss. 11, 22(1), 26(1)(a)
Control of Supplies Regulations 1974, reg. 21(1)
Interpretation Acts 1948 and 1967, s. 17A

Bagi pihak perayu - Khairul Fikrie Ahmad Zubaidi; TPR
Bagi pihak responden - Loo Yook Khin; T/n YK Loo & Co

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kangar; Kes Tangkap No: 62-10-09-2014]

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

Pengenalan

[1] Ini merupakan rayuan oleh responden ke Mahkamah Rayuan, Malaysia terhadap keputusan mahkamah ini yang memerintahkan kesemua eks. P16 hingga P26 dilucut hak dan diserahkan kepada pegawai pengawal untuk pelupusan.

Latar Belakang Kes

[2] Responden telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis atas kesalahan dalam kawalan barang berjadual iaitu minyak diesel sebanyak 43,721 liter yang melebihi daripada kuantiti yang dinyatakan di dalam Permit Barang Kawalan Berjadual No. Siri R 000740 iaitu 30,000 liter dengan tujuan melakukan kesalahan di bawah peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta itu). Pertuduhan yang dirangka oleh pendakwaan terhadap responden berbunyi seperti berikut:

> PERTUDUHAN PERTAMA:
>
> Bahawa kamu pada 26.2.2014 jam lebih kurang 12.00 tengahari di alamat 85I, Kampung Melayu, Padang Besar Utara, 02100 Padang Besar, di dalam Daerah Kangar, di dalam Negeri Perlis telah ada dalam kawalan

kamu barang kawalan yang juga barang berjadual iaitu minyak diesel sebanyak 43,721 liter yang melebihi daripada kuantiti yang dinyatakan di dalam Permit Barang Kawalan Berjadual No. Siri R 000740 iaitu 30,000 liter dengan tujuan melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah s. 22(1) Akta yang sama.

[muka surat (23) - (24) Rekod Rayuan [R.R]

PERTUDUHAN KEDUA:

Bahawa kamu pada 26.2.2014 jam lebih kurang 12.00 tengahari di alamat 85I, Kampung Melayu, Padang Besar Utara, 02100 Padang Besar, di dalam Daerah Kangar, di dalam Negeri Perlis telah didapati menyimpan barang barang kawalan yang merupakan barang berjadual iaitu minyak petrol sebanyak 3,480 liter di premis yang tidak dilesenkan oleh Pengawal bagi tujuan melakukan kesalahan di bawah seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah s. 22(1) Akta yang sama.

[3] Responden pada mulanya tidak mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan. Perbicaraan telah bermula di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis (HMS itu) pada 15 Disember 2014 dan pendakwaan telah memanggil tujuh orang saksi untuk memberi keterangan. Pada 19 Mac 2015 responden telah mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan di hadapan HMS itu (Sila lihat nota keterangan di ms. (110) - (116) R.R).

[4] HMS itu merekodkan responden bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua di bawah s. 22(1) Akta itu. Bagi pertuduhan pertama, HMS itu telah menjatuhkan hukuman denda RM60,000 jika ingkar enam bulan penjara dan pertuduhan kedua pula hukuman denda RM50,000 jika ingkar lima bulan penjara.

[5] HMS itu selanjutnya memerintahkan sebahagian hasil jualan diesel bernilai RM32,855.90 dilucut hak kepada pegawai pengawal mengikut peruntukan s. 26 Akta itu. HMS itu telah memerintahkan eks. P16 hingga P26 dikembalikan kepada responden.

[6] Pendakwaan yang terkilan dengan hukuman dan perintah HMS itu yang memulangkan ekshibit-ekshibit berkaitan telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar (ms. (1) - (3) R.R).

[7] Pada 20 November 2015, mahkamah ini telah menolak rayuan perayu atas hukuman dan mengekalkan hukuman HMS itu atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua. Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh perayu atas perintah pemulangan ekshibit-ekshibit yang berkaitan. Perintah HMS itu diakaskan dan diperintahkan kesemua ekshibit (P16 hingga P26) dilucut hak dan diserahkan kepada pegawai pengawal di bawah s. 26 Akta itu.

[8] Responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini memerintahkan kesemua ekshibit dilucut hak dan diserahkan kepada pegawai pengawal di bawah s. 26 Akta itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

Merit Rayuan

[9] Mahkamah ini telah meneliti petisyen rayuan yang difailkan oleh perayu dan penghujahan bertulis/lisan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar, pendakwaan telah membangkitkan beberapa isu antaranya ialah:

(a) Tuan HMS itu telah terkhilaf daripada segi undang-undang dan fakta apabila memulangkan lima buah pam dispenser (P16A hingga E), sebuah kenderaan lori bernombor pendaftaran: NBB 9499 (P17), sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux bernombor pendaftaran: TC 5449 (P18) dan pelbagai mata wang asing (P19 hingga P26) ("barang-barang kes tersebut") dipulangkan kepada responden.

(b) Tuan HMS itu telah terkhilaf daripada segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan hanya "subject matter" kepada kesalahan sahaja yang boleh dilucut hak di bawah peruntukan s. 26 Akta itu.

(c) Tuan HMS itu telah terkhilaf daripada segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan barang-barang kes tersebut tidak boleh dilucut hak kerana ianya tidak dibuktikan mempunyai kaitan dengan pertuduhan yang dihadapi oleh responden.

(d) Tuan HMS itu telah terkhilaf daripada segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bagi P17 dan P18 (kenderaan-kenderaan) hanya boleh dilucut hak sekiranya ianya milik responden.

(e) Tuan HMS itu telah terkhilaf daripada segi undang-undang dan fakta apabila tidak mengambil kira pendekatan tujuan (purposive approach) dalam mentafsirkan s. 26(1) Akta itu bagi mencapai hasrat Parlimen ketika menggubal undang-undang berkenaan.

(f) Tuan HMS itu telah terkhilaf daripada segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan P16 hingga P26 dikembalikan kepada responden sedangkan daripada fakta kes secara jelas ianya digunakan bagi tujuan melakukan kesalahan di mana responden mengaku bersalah atas pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua.

[10] Mahkamah ini berpendapat rayuan oleh responden berkisar kepada pemakaian s. 26 Akta itu terhadap ekshibit-ekshibit yang diperintahkan oleh HMS itu dipulangkan kepada responden atas alasan ianya bukannya harta yang dimiliki oleh responden.

[11] Bagi kemudahan rujukan dipetik peruntukan s. 26 Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Where any person is convicted of an offence against this Act the court may order the confiscation in whole or in part of:
>
> (a) any controlled article in respect of which the offence has been committed which has been seized by, or has otherwise come into the possession of the Controller or any person acting under his authority or any vehicle, vessel or other article, the property of the accused, by means of which the offence has been committed or which is intended to be used for the commission of an offence against this Act; or
>
> (b) the proceeds of sale of any such controlled article if it has been sold under section 12.

[12] Peruntukan s. 26 Akta itu telah pun dipinda melalui Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2015 (Akta A 1473) yang berbunyi seperti berikut:

> (a) any controlled article, in respect of which the offence has been committed, which has been seized by or has otherwise come into the possession of the Controller or any person acting under his authority;
>
> (aa) any property of the accused, vehicle, vessel or other article, by means of which the offence has been committed or which is intended to be used for the commission of an offence against this Act; or
>
> (b) the proceeds of sale of any such controlled article if it has been sold under section 12.
>
> (2) Where confiscation is ordered under subsection (1), the court shall deliver the controlled article, proceeds of sale, property of the accused, vehicle, vessel or other article confiscated (if not already in possession of the Controller) to the Controller or to any person designated by him, and shall give directions as to their disposal.

[13] Pindaan kepada s. 26 Akta itu berkuat kuasa mulai 10 Januari 2015 sebagaimana PU(B) 7/2015. Bagi maksud penghakiman ini peruntukan s. 26 Akta itu yang belum dipinda oleh Parlimen terpakai dalam konteks rayuan oleh responden.

Bagi Isu (a), (b), (c), (d) Dan (e)

[14] Mahkamah ini berpendapat isu (a), (b), (c), (d) dan (e) ianya merupakan isu yang sama dan saling berkaitan antara satu dengan yang lainnya. Mahkamah ini dalam penghakimannya akan menyentuh isu-isu tersebut bersekali bagi mengelakkan pengulangan (repetition).

Penghujahan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Yang Terpelajar

[15] Secara ringkasnya TPR yang terpelajar menghujahkan HMS itu terkhilaf apabila tidak memerintahkan lima buah pam dispenser (P16A hingga E), sebuah kenderaan lori bernombor pendaftaran: NBB 9499 (P17), sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux bernombor pendaftaran: TC 5449

(P18) dan pelbagai mata wang asing (P19 hingga P26) ("barang-barang kes tersebut") dilucut hak dan diserahkan kepada pegawai pengawal sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 26 Akta itu.

[16] HMS itu dalam penghakimannya berpendapat kesemua P16 hingga P26 bukannya harta responden yang telah pun mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan.

[17] TPR yang terpelajar telah merujuk kes mahkamah ini yang telah memutuskan isu yang sama dalam kes yang tidak dilaporkan iaitu Rayuan Jenayah No: 42S-02-03-2015, *Pendakwa Raya v. Abdul Halim* dan Rayuan Jenayah No: 42S-03-03-2015, *Pendakwa Raya v. Azrol Hisham*. Mahkamah ini telah berbeza pendapat dan tidak mengikuti keputusan dalam kes *PP lwn. Teoh Chee Chin* [2015] 1 LNS 137 yang memihak kepada pemohon.

[18] TPR yang terpelajar dalam hujahannya menyarankan kepada mahkamah ini untuk menggunakan pendekatan tujuan (purposive approach) dan "golden rule" bagi mentafsirkan peruntukan s. 26(1) Akta itu melibatkan barangan lainnya yang bukannya milik responden tetapi ianya digunakan bagi melakukan kesalahan di mana responden akhirnya dituduh dan mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan.

[19] TPR yang terpelajar menghujahkan mahkamah perlu melihat tujuan Akta itu digubal dan ianya bertujuan untuk mengawal kegiatan barang kawalan daripada diselewengkan oleh penjenayah. Mahkamah perlu mengambil "judicial notice", kegiatan seumpama ini dilakukan secara terancang agar tidak dikesan oleh pihak penguatkuasa.

[20] Peruntukan s. 26 Akta itu digubal sebegitu rupa untuk membanteras perbuatan yang melibatkan barangan kawalan iaitu dalam kes sekarang ianya berupa minyak diesel. TPR yang terpelajar menghujahkan mengambil kira peruntukan s. 11 Akta itu yang memperuntukkan kuasa untuk membuat apa-apa sitaan ke atas barang kawalan, kapal, kenderaan atau apa-apa barang yang digunakan untuk tujuan melakukan kesalahan tanpa perlu mengambil kira sama ada barang-barang berkenaan dimiliki oleh tertuduh atau sebaliknya.

[21] TPR yang terpelajar menghujahkan bagi maksud peruntukan s. 26(1) Akta itu, HMS itu terkhilaf apabila tidak melucut hak barangan-barangan tersebut atas alasan ianya bukan milik responden.

[22] TPR yang terpelajar juga menghujahkan Akta itu digubal dalam tahun 1961 dan mahkamah perlu menimbangkan perubahan masa dan kegiatan sebegini yang berlaku di sempadan. Penjenayah tidak lagi menggunakan kenderaannya sendiri tetapi menggunakan kenderaan orang lainnya. Mahkamah perlu peka kepada keadaan sekeliling sebagaimana yang diungkapkan dalam kes *Public Prosecutor v. Abdul Rahim Abdul Satar* [1990] 1 CLJ 840; [1990] 3 CLJ (Rep) 1 di ms. 5; [1990] 3 MLJ 188 di ms. 190 yang menyatakan:

A The role of a judge in our adversarial system of justice has often been misunderstood. Although depicted symbolically as a blindfolded lady balancing the scales of justice, a judge should not be completely oblivious to the surrounding events at the trial affecting his assessment of a case. It is true that he must not load onto any side of the scales extrinsic evidence but he certainly owes a duty to take onto the scales formal
B evidence which, although available and alluded to, was inadvertently left out by either party. Consequently, and in reiteration of my earlier finding on the first issue, I would hold that P7 was admissible in evidence and even if it was not so, the learned sessions judge had exercised his power properly in calling for further evidence under s. 425 of the CPC. I therefore dismiss the appeal against conviction.

C

[23] TPR yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada kes *Karpal Singh & Anor v. PP* [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183; [1991] 2 MLJ 544 yang memutuskan:

Legislature, when creating codes, can only foresee the most natural and
D ordinary events and no rule can regulate for all the time and for all the circumstances to protect citizens against all modes of inconvenience and discomfort which are infinite in number. In the case of obvious abuses or other forms of material defects, it cannot be said that the High Court does not possess the powers to do the right and to undo wrong in the course of administration.

E

[24] TPR yang terpelajar mengakhiri hujahannya dengan menegaskan HMS itu terkhilaf apabila tidak melucut hak barangan-barangan tersebut di bawah s. 26(1) Akta itu.

Penghujahan Peguam Responden Yang Terpelajar

F **[25]** Secara ringkasnya peguam responden yang terpelajar menghujahkan HMS itu secara betulnya apabila memutuskan untuk memulangkan barangan-barangan tersebut kepada responden atas alasan ianya bukan barangan milik responden.

G **[26]** Peguam responden yang terpelajar tidak bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar iaitu peruntukan s. 26 Akta itu seharusnya dibaca secara berasingan dan menjadikan tiga bahagian iaitu:

Bahagian Pertama:

any controlled article in respect of which the offence has been committed
H which has been seized by, or has otherwise come into the possession of the Controller.

Bahagian Kedua:

any controlled article in respect of which the offence has been committed
I which … has otherwise come into the possession of the Controller.

Bahagian Ketiga:

(i) Vehicle

(ii) Vessel

(iii) other article; and

(iv) "property of the accused"

"by means of which the offence has been committed or which is intended to be used for the commission of an offence against this Act".

[27] Peguam responden yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu perkataan-perkataan yang digunakan ianya jelas dan ianya tidak perlu dibaca mengikut kaca mata TPR yang terpelajar.

[28] Peguam responden yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

(a) any controlled article in respect of which the offence has been committed which has been seized by, or has otherwise come into the possession of the Controller or any person acting under his authority OR

(b) any vehicle, vessel or other article, the property of the accused, by means of which the offence has been committed or which is intended to be used for the commission of an offence against this Act.

[29] Peguam responden yang terpelajar telah menghujahkan niat Parlimen ketika menggubal peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu telah memberikan budi bicara mahkamah untuk melucut hak dalam dua kategori iaitu pertama "any controlled article" dan kedua "any vehicle, vessel, or other article, the property of the accused ...".

[30] Peguam responden yang terpelajar menghujahkan "any vehicle, vessel or other article" ianya merupakan harta tertuduh. Peguam responden yang terpelajar telah menghujahkan keputusan HMS itu yang tidak melucut hak barangan-barangan tersebut di bawah s. 26(1) Akta itu perlu dikekalkan.

Pendapat Mahkamah Ini

[31] Mahkamah ini telah pun memutuskan isu yang sama dalam kes yang terdahulu iaitu *Teoh Chee Chin* (*supra*). Dalam kes *Teoh Chee Chin* (*supra*) permohonan semakan telah dibuat oleh pemilik berdaftar kenderaan yang telah pun dilucut hak oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Kangar. Mahkamah pada ketika itu telah membenarkan permohonan semakan dan memutuskan kenderaan yang bukan milik tertuduh tidak boleh dilucut hak di bawah peruntukan s. 26(1) Akta itu.

[32] Walaupun begitu dalam kes lainnya iaitu Rayuan Jenayah No: 42S-02-03-2015, *Pendakwa Raya v. Abdul Halim* dan Rayuan Jenayah No: 42S-03-03-2015, *Pendakwa Raya v. Azrol Hisham*, mahkamah ini telah berbeza pendapat dan tidak mengikuti keputusan terdahulu dalam *Teoh Chee Chin* (*supra*).

[33] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar, mahkamah ini tidak terikat dengan keputusan terdahulu iaitu *Teoh Chee Chin* (*supra*) apabila isu ini telah dihujahkan dengan lebih lanjut dan mendalam khasnya berkaitan tafsiran peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu.

[34] Mahkamah ini merujuk kes *Sundralingam v. Ramanathan Chettiar* [1967] 1 LNS 173; [1967] 2 MLJ 211 di mana YA Ong Hock Thye HMP memutuskan seperti berikut:

> … Each court is bound by the decisions of courts above it, but "individual judges are not bound by each other's decisions, although judicial courtesy naturally requires that they do not lightly dissent from the considered opinions of their brethren".

[35] Mahkamah ini juga telah merujuk kes *Tan Yew Choy v. PP* [2009] 4 CLJ 245 di mana YA Zulkifli Ahmad Makinuddin HMP (pada ketika itu) telah memutuskan perbezaan berat dadah telah menimbulkan keraguan atas identiti dadah. Sebaliknya dalam kes *Hasbala Mohd Sarong v. PP* [2013] 6 CLJ 945 YA yang sama telah berbeza pendapat iaitu perbezaan berat dadah tidak menimbulkan keraguan identiti dadah setelah dipertimbangkan beberapa aspek yang lainnya.

[36] Mahkamah ini telah mendapat suluhan cahaya yang terang apabila YA Mohamed Dzaiddin Abdullah HMP (pada ketika itu) ketika berada dalam Panel Mahkamah Persekutuan, kes *Khoo Hi Chiang v. PP & Another Case* [1994] 2 CLJ 151 berkaitan isu beban bukti telah mengubah pandangannya dalam kes yang terkemudiannya iaitu *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597 yang menyatakan:

> Incidentally, the above cases have also persuaded me to change my mind after sitting on the *Khoo Hi Chiang* [1994] 2 CLJ 151 panel.
>
> The other reason being that at that point of time, I was also influenced by the fact that it was said that Lord Diplock's principles in *Haw Tua Tau* was *obiter dicta*. However, it has now been shown that it was the *ratio decidendi* of the case.
>
> See: Ruben J's article: *Standard of Proof Relating to Sufficiency of Evidence at Criminal Trials: Mental Gymnastics Since Haw Tua Tau* [1996] 2 CLJ lxiv. It must also be remembered that it is not uncommon for Judges, for good or better reasons, to change their minds or views on certain legal issues.
>
> To me, I call this judicial creativity, a function which we, the Judges, perform in the development of the law.

[37] Mahkamah ini telah pun menimbangkan isu yang sama secara mendalam dalam kes *Abdul Halim* (*supra*) dan *Azrol Hisham* (*supra*) berkaitan tafsiran peruntukan s. 26(1) Akta itu. Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan TPR yang terpelajar iaitu peruntukan s. 26(1) Akta itu perlu dibaca secara "purposive approach" dan "golden rule".

[38] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar dalam memberi tafsiran kepada peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu, mahkamah ini perlu peka kepada perubahan masa dan tidak terkongkong dengan Akta yang digubal dalam tahun 1961. Mahkamah ini bersetuju kegiatan penjenayah yang berlaku di Negeri Perlis yang berdekatan dengan sempadan negara jiran perlu diambil pertimbangan.

[39] Mahkamah ini berpendapat bagi tujuan ini perlu dirujuk peruntukan s. 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang memperuntukkan sebagaimana berikut:

> In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

[40] Mahkamah ini merujuk kes *PP v. Cheah Beng Poh, Louis & Ors & Anor* [1984] 1 CLJ 117; [1984] 2 CLJ (Rep) 383; [1984] 2 MLJ 225 di mana YA Hashim Yeop A Sani HMP ada menyentuh tugas mahkamah dalam membuat tafsiran atas undang-undang bertulis:

> The power to interpret implies a discretion in the choice of interpretation. But the judge is not at liberty to choose any interpretation at his whims and fancies. The interpretation must be such that it meets the legislative purpose of the enactment. See *Duport Steels Ltd v. Sirs* [1980] 1 All ER 529 551.
>
> The court as guardian of the rights and liberties enshrined in the Constitution is always jealous of any attempt to tamper with rights and liberties. But the right in issue here i.e. the right to assemble peaceably without arms is not absolute for the Constitution allows Parliament to impose by law such restrictions as it deems necessary in the interest of security and public order. In my view, what the court must ensure is only that any such restrictions may not amount to a total prohibition of the basic right so as to nullify or render meaningless the right guaranteed by the Constitution.
>
> In the construction of statutes the "golden rule" approach says that the only safe course in the interpretation of a statute is to read the language of the statute in what seems to be its natural sense. In *Vacher & Sons Ltd v. London Society of Compositors* [1913] AC 107 Viscount Haldane LC said:
>
> > … I think that the only safe course is to read the language of the statute in what seems to be its natural sense.

[41] Mahkamah ini mengambil pendekatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 dalam menentukan peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu yang melibatkan barangan-barangan tersebut yang tidak dilucut hak oleh HMS itu atas alasan ianya bukan milik responden yang mengaku bersalah.

[42] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar tujuan s. 26(1)(a) Akta itu digubal oleh Parlimen perlu dipertimbangkan. Mahkamah ini bersetuju kegiatan penjenayah melibatkan barangan kawalan berlaku secara terancang dan menggunakan pelbagai *modus operandi*. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar bagi maksud peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu apa yang penting barangan-barangan tersebut digunakan atau sebahagian daripada kegiatan responden. Mahkamah ini bersetuju "any vehicle, vessel, or other article" bagi maksud peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu tidak semestinya harta tertuduh sebagaimana yang diputuskan oleh HMS itu.

[43] Mahkamah ini juga telah merujuk pindaan peruntukan s. 26(1) Akta itu di mana secara jelas Parlimen menggubal semula keseluruhan peruntukan yang lama khasnya para (aa) sebagaimana berikut:

> (aa) any property of the accused, vehicle, vessel or other article, by means of which the offence has been committed or which is intended to be used for the commission of an offence against this Act; or

Bagi Isu (f)

[44] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar berpandukan fakta kes yang dibentangkan oleh pendakwaan (ms. (179) - (181) RR), pegawai KPDNKK telah pun menjumpai lima pam dispenser (P16A hingga E) di premis berkenaan. Pada tarikh pemeriksaan juga mendapati ada kenderaan nombor pendaftaran Thailand sedang mengisi minyak daripada salah satu pam dispenser.

[45] Mahkamah ini juga berpendapat kenderaan lori bernombor pendaftaran: NBB 9499 (P17), sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux bernombor pendaftaran: TC 5449 (P18) dan pelbagai mata wang asing (P19 hingga P26) ianya berkaitan dengan perbuatan atau tindakan responden di mana telah dituduh sebagaimana diperincikan dalam pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua.

Kesimpulan

[46] Mahkamah ini berpendapat HMS itu telah terkhilaf dalam penghakimannya apabila memutuskan barangan-barangan tersebut (P17 hingga P26) tidak berkaitan dengan pertuduhan di mana responden mengaku bersalah dan juga ianya bukan harta responden. Peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu perlu ditafsirkan secara "purposive approach" iaitu tujuan Parlimen menggubal Akta itu.

[47] Mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu terhadap keputusan HMS itu yang tidak melucut hak barangan-barangan tersebut di bawah peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu. Perintah HMS itu diakaskan dan diperintahkan semua barangan-barangan tersebut (P17 hingga P16) dilucut hak di bawah peruntukan s. 26(1)(a) Akta itu dan diserahkan kepada pegawai pengawal untuk tindakan selanjutnya.

A

B

C

D

E

F

G

H

I